

MUJAHID YUSOF RAWA

MALAYSIA MADANI

PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH



2709595
MYR



MUJAHID YUSOF RAWA

MALAYSIA MADANI

PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH



PUSTAKA PERDANA



1013617

ILHAM BOOKS

Kuala Lumpur

2023

MALAYSIA MADANI PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

Diterbitkan oleh:
ILHAM BOOKS (002683798-H)
No. 94(G), Jalan Nilai Square 3
Nilai Square, 71800 Nilai
Negeri Sembilan, MALAYSIA

Hak Cipta Terpelihara @ Mujahid Yusof Rawa, 2023
Hak Cipta Penerbitan @ ILHAM Books, 2023

Cetakan Pertama, 2023
Cetakan Kedua, 2024

Facebook: www.facebook.com/ilhambooks
Email: admin@ilhambooks.com
Website: www.ilhambooks.com
Hotline/WhatsApp: +6011-1060 1403

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.



Data Pengkatalogan dalam Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-17715-7-0

Ketua Editor: Muhammad Din
Editor: Hanis Sofiya
Editor Syariah: Syihan Ismail & Al Hanif Mah Hassan
Prof: Hanis Sofiya
Atur Huruf: Hanis Sofiya
Reka Kulit: Ismah Fauji
Jualan & Pemasaran: Naim

Dicetak oleh:
Firdaus Press Sdn. Bhd.
No.28, Jalan PBS 14/4, Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan

297.2709595



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	vii
Bab 1: Pengenalan Kajian	11
Bab 2: Madani Satu Perspektif Model Pemerintahan	23
Bab 3: Memahami Malaysia MADANI	41
Bab 4: Syariat Dalam Dasar Pemerintahan	51
Bab 5: Model Fiqh al-Waqie', Maqasid, Siasah al-Syar'iyah dan Masalah	67
Bab 6: Membangun Negara Madani dan Prinsip Umum Syariat	81
Bab 7: Enam Prinsip Madani dan Masalah	133
Bab 8: Negara Madani dan Negara Rahmah	155
Bab 9: Rumusan dan Rekomendasi	195
RUJUKAN	205



KATA PENGANTAR

Buku kecil ini adalah kajian ringkas yang saya buat ke atas idea dan gagasan Malaysia MADANI yang diikhtiarkan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Perdana Menteri Malaysia ke-10. Gagasan dan idea cetusan PMX dihasilkan dalam buku *Membangun Negara Madani* yang diterbitkan oleh Institut Darul Ehsan, IDE tahun 2023. Kajian ringkas saya adalah untuk melihat sejauh mana Malaysia MADANI dapat dikaitkan dengan tuntutan Syariat Islam dari sudut *Siasah al-Syar'iyah*. Kajian ini penting kerana pendekatan Islam adalah asas penting daripada pembentukan dasar-dasar negara seperti Penerapan Nilai-Nilai Islam, Islam Hadhari, Wasatiyyah dan Gagasan Negara Rahmah. Hampir kesemua dasar sebelum ini yang diperkenalkan cuba meletakkan piawaian Islam sebagai ukuran penting. Saya merasakan Malaysia MADANI yang baru dilancarkan pada awal tahun 2023 perlu dibuat kajian dalam mencari bagaimana hubungan Islam dalam dasar ini dan apakah yang membezakannya dengan sebelum ini. Buku ini cuba memfokuskan kaitan Malaysia MADANI dengan Islam secara lebih spesifik dari sudut tuntutan Syariat melalui model-model yang boleh dibuat piawaian ke atasnya.

Sebelum kajian ini dibuat, saya telah siapkan satu penulisan pada tahun 2021 bertajuk "Pandemik Global dan Maqasid al-Syariah" yang dibentangkan sebagai ucapnama Seminar COVID-19 dan Syariat yang berlangsung di atas talian. Pembentangan saya terbina di atas kefahaman *Maqasid al-*

Syariah dalam menangani pandemik global dan bagaimana pemikiran *Maqasid al-Syariah* dapat menjangka kemungkinan musibah global lain yang bakal berlaku. Saya juga menjadikan konsep *Siasah al-Syar'iyah* sebagai kerangka umum bagaimana dasar-dasar kerajaan dibentuk semasa pandemik. Hasil dari sedikit penyelidikan ke atas konsep dan model *Maqasid al-Syariah* dan *Siasah al-Syar'iyah* yang saya lakukan, saya dapat kembangkan keperluan dua model ini ke atas isu-isu lain selain isu pandemik global yang berlaku pada tahun 2020. Apabila Membangun Negara Madani dilancarkan, saya telah pun ada asas teori dan konsep *Maqasid al-Syariah* dan *Siasah al-Syar'iyah* untuk dikembangkan ke atas Malaysia MADANI.

Pada awal tahun 2023, Malaysia MADANI dilancarkan sebagai dasar utama negara di bawah kepimpinan baharu Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Sebelum ini satu naskhah buku dalam Bahasa Inggeris berjudul *SCRIPT - For a Better Malaysia* telah dilancarkan pada 2 Oktober 2022 beberapa bulan sebelum PRU ke-15. Buku *Membangun Negara Madani* yang mengandungi idea Malaysia MADANI adalah terjemahan kepada judul asal berbahasa Inggeris. Saya telah membaca buku *SCRIPT - For a Better Malaysia* dan memahami bahawa ia adalah visi dan misi untuk mentransformasi negara ke arah yang lebih baik dengan mengambil kira latar pasca normal yang menguasai keadaan.

Tidak sukar untuk saya mengikuti pemikiran yang ada dalam Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana saya telah mengikuti sebahagian besar ucapannya di parlimen semasa beliau menjadi ketua Pembangkang. Sebagai rakan ahli parlimen semasa itu, saya dapat mengikuti perdebatan beliau dan jawapan-jawapan balas terhadap mereka yang mempertikaikan idealisma reformasi yang diperjuangkan sejak 1998 lagi. Namun, yang mencabar saya adalah bagaimana hendak dikaitkan pemikiran besar beliau dengan perincian tuntutan Syariat dan untuk merumuskan bahawa Membangun Negara Madani adalah gagasan yang bersumberkan Syariat. Saya tidak mungkin membuat kaitan Malaysia MADANI

dengan tuntutan Syariat tanpa merujuk kepada model-model yang boleh dirujuk dan diiktirafi sebagai piawaian Syariat Islam. Walaupun saya telah membuat penyelidikan kecil sebelum ini tentang model-model Maqasid, *Siasah al-Syar'iyah* dan *Fiqh al-Waqie'* ia belum mencukupi untuk menghubungkannya dan untuk itu saya perlu membina piawaian untuk meletakkan konsep Malaysia MADANI di atas kerangka Syariat. Sebab itulah dalam buku ini pembaca akan menemui piawaian Prinsip Umum Syariat yang saya ringkaskan kepada enam piawaian berpandukan kepada kajian-kajian yang telah dibuat sebelum ini. Bahagian ini adalah teras kajian yang menjawab persoalan sama ada *Membangun Negara Madani* bersumberkan Syariat atau tidak.

Kefahaman saya terhadap dasar Malaysia MADANI dipengaruhi oleh inisiatif yang saya pernah buat pada tahun 2018-2020 dalam Gagasan Negara Rahmah. Inisiatif tersebut dibuat atas kapasiti saya sebagai Menteri Hal Ehwal Pentadbiran Agama di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ia memudahkan saya menghadam idea-idea Madani kerana gagasan dalam Negara Rahmah berkongsi elemen yang sama dari sudut pembangunan seimbang manusiawi dan kemaslahatan duniawi dan ukhrawi. Selain itu, Gagasan Negara Rahmah yang dilancarkan pada tahun 2019 sangat mempertegaskan cabaran perubahan iklim sebagai permasalahan yang memerlukan dasar yang tuntas bagi mengatasinya. Bukti komitmen Negara Rahmah ke arah kemampanan dan kelestarian dapat dilihat dalam model Gagasan Negara Rahmah yang mengintegrasikan Dasar Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di dalamnya. Membangun Negara Madani mempunyai penegasan yang sama dengan meletakkan Kemampanan sebagai prinsip pertama MADANI. Konsep Rahmah sangat berkait rapat dalam prinsip Ihsan, Hormat dan Kemampanan yang telah dicerakinkan dalam satu bab khusus dalam buku ini tentang kaitan Malaysia MADANI dan Negara Rahmah.

Buku ini diharap dapat menyumbang kepada kajian lebih lanjut yang tidak sempat diperluaskan skopnya. Cetusan idea yang besar akan senantiasa menjadi perdebatan dan perbahasan antara yang mengkritik dan menyokong. Ia menjadi perhatian perbahasan umum mahupun perbahasan secara intelektual. Dato' Seri Anwar Ibrahim telah meletuskan idea Malaysia MADANI dan akan menjadi bahan untuk didebatkan dan dikritik dan didokong dan tidak kurang diperlekehkan. Saya harap buku ini menjadi sebahagian kecil daripada sumber untuk diskusi dan dibahaskan dalam kerangka memahami dan menghayati *Membangun Negara Madani* sebagai dasar negara.

Akhirnya saya ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada panel penyelidik Nadwah Ulama (NUNJI) terutamanya Ustaz Ahmad Syihan Ismail dan Ustaz Muhammad Al Hanif Mah Hassan yang bertungkus lumus membuat penyuntingan untuk memperbaiki buku kecil ini sebagai tatapan kepada awam. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada Ilham Books yang membantu menerbitkan buku ini bersama Nadwah Ulama (NUNJI). Buku ini diharapkan dapat diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab supaya dunia luar dapat menggali pengalaman Malaysia dalam membentuk dasar-dasar pembangunan yang progresif bersumberkan dari tuntutan prinsip Syariat dan sekaligus menjadi model Negara Islam yang dihormati dan disegani di peringkat antarabangsa.

YB SENATOR DATO' SERI DR MUJAHID YUSOF RAWA

Bab 1

PENGENALAN KAJIAN

Buku *Membangun Negara Madani* adalah ikhtiar Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mengupas idea dan gagasan besar untuk memimpin negara dengan dasar-dasar yang progresif. Bab ini akan menjelaskan bagaimana cara kajian ini dibuat ke atas buku *Membangun Negara Madani* untuk memahami gagasan dan idea yang terkandung di dalamnya. Idea dan gagasan ini dibuat perbandingan ke atas konsep umum *Maqasid al-Syariah* untuk mencari kepatuhan atau hubungan idea Malaysia MADANI dan Syariat Islam. Kajian ringkas ini menggunakan format penulisan semi-akademik dalam memahami idea Malaysia MADANI dan kaitannya dengan tuntutan Syariat. Untuk mencapai maksud tersebut bab ini akan menjelaskan struktur bagaimana penulisan kajian ringkas ini dibuat, iaitu;

1. Objektif Umum Kajian
2. Objektif Khusus Kajian
3. Konsep dan Teori Kajian
 - a. Konsep Umum Siasah al-Syar'iyah
 - b. Konsep Operasional Fiqh al Waqie'
 - c. Konsep Operasional Maqasid al-Syariah/Masalah
4. Sampel Kajian
5. Metode Kajian
6. Keterbatasan Kajian
7. Panduan Etika Penulisan



8. Format Penulisan
9. Harapan

Objektif Umum Kajian

Kajian cuba mengupas idea-idea dalam Membangun Negara Madani dan terbatas untuk menjelaskannya dalam kerangka pandangan Syariat Islam dan nilai-nilai yang diiktirafi oleh al-Quran al-Karim. Kajian hanya menilai dan membuat rumusan berpandukan kepada model dan konsep yang dirujuk sebagai kayu pengukur Prinsip Syariat.

Setelah saya meneliti dan membaca Membangun Negara Madani, saya berasa terpenggil untuk;

1. Memahami apakah konsep Malaysia MADANI bertepatan dengan Islam?
2. Menjawab kenapakah Malaysia MADANI tidak disebut istilah Islaminya secara langsung tidak seperti dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam, Islam Hadhari dan Wasatiyyah.
3. Memahami keunikan Malaysia dari sudut sistem dan struktur pemerintahan dengan merujuk kepada konsep umum *Siasah al-Syar'iyyah*.
4. Menyumbang kepada kajian lanjut dalam bidang *Siasah al-Syar'iyyah* dan *Fiqh al-Waqie'* sebagai rekod dari pengalaman Malaysia.

Objektif Khusus Kajian

Kajian ini juga ingin mencapai objektif secara khusus, iaitu;

1. Membuat perbandingan model pemerintahan berkonsepkan Madani yang dibincangkan dalam kajian akademik sebelum ini dengan Malaysia MADANI yang

diperkenalkan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam bukunya *Membangun Negara Madani*.

2. Membuat penilaian secara objektif apakah idea dan gagasan Malaysia MADANI menepati piawaian Prinsip Umum Syariah sebagai rujukan.
3. Mengupas secara khusus Enam Prinsip Madani dalam disiplin ilmu *Maqasid al-Syariah* berpandukan kepada konsep *Maslahah* diiktirafi Syariah.
4. Membuat perbandingan konsep Gagasan Negara Rahmah dengan Membangun Negara Madani dari sudut persamaan dan hasrat memenuhi dasar pemerintahan dalam Islam.
5. Membentuk model kearifan lokal berpandukan kepada keperluan *Siasah al-Syar'iyah* yang bergerak dalam ketentuan struktur politik, masyarakat dan negara yang unik di tempat masing-masing.

Konsep dan Teori Kajian

Untuk memastikan kajian ini mencapai objektifnya, penulis menggunakan konsep dan teori asas yang berkaitan dengan kajian yang sedang dilakukan.

a. Konsep Umum Siasah al-Syar'iyah

Konsep umum yang memandu keseluruhan rangka kajian adalah konsep *Siasah al-Syar'iyah* dan teori yang membentuk kefahaman *Siasah al-Syar'iyah* secara ringkas. Alasan kenapa *Siasah al-Syar'iyah* sebagai konsep umum ialah kajian Malaysia MADANI adalah berkaitan dengan dasar dan polisi sebuah pemerintahan dan *Siasah al-Syar'iyah* adalah kajian tentang pemerintahan (سياسة) dan kaitannya dengan tanggungjawab kepimpinan untuk membawa kebaikan kepada rakyatnya.

Perkataan *Syar'iyah* (شرعية) pula merujuk kepada kehendak Syariah dalam melaksanakan tanggungjawab pemerintahan. Oleh kerana itu, kajian ke atas buku *Membangun Negara Madani* adalah kajian tentang pemerintahan dan kaitannya dengan dasar-dasar yang dilihat dari sudut pandang dan panduan *Syara'*. Pemerintahan asasnya ialah untuk menegakkan keadilan dan membawa manfaat kepada rakyat dan membangunkan kemakmuran. Firman Allah;

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ
النَّاسُ بِالْقِسْطِ وَأَنْزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ
وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ وَرُسُلَهُ بِالْغَيْبِ إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ

Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab Suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan dan kami telah menciptakan besi dengan keadaannya mengandungi kekuatan yang handal serta berbagai faedah lagi bagi manusia. (Dijadikan besi dengan keadaan yang demikian, supaya manusia menggunakan faedah-faedah itu dalam kehidupan mereka sehari-hari) dan supaya ternyata pengetahuan Allah tentang orang yang (menggunakan kekuatan handalnya itu untuk) menegak dan mempertahankan agama Allah serta menolong Rasul-rasulNya, padahal balasan baiknya tidak kelihatan (kepadanya); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.

(Al-Hadid 57:25)

b. Konsep Operasional Fiqh al-Waqie'

Bagi memandu kajian secara khusus kepada realiti Malaysia dan setiap suasana yang unik untuk Malaysia, kajian ini menggunakan secara operasional konsep dan teori *Fiqh al-Waqie'* sebagai panduan. *Fiqh al-Waqie'* adalah kefahaman kepada suasana unik yang ada pada sesuatu keadaan, tempat mahupun sesuatu suasana yang membezakannya dengan yang lain. Dalam konteks realiti atau *waqie'* yang melingkungi kajian ini, keunikannya terletak kepada tempat kajian iaitu Malaysia yang mempunyai ciri-cirinya tertentu dari sudut, sistem pemerintahan, keperlembagaan, struktur sosial, keadaan ekonomi dan tahap perkembangan pendidikan dan pencapaian ekonomi. Semua realiti ini diambil kira dalam menentukan rumusan yang dibuat dalam kajian ini.

Oleh kerana Syariah bertujuan untuk membekalkan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat kepada manusia, maka hukum-hakam atau panduan atau sikap Syariah mestilah melihat secara praktikal realiti yang melingkungi sesuatu kajian secara terkini. Al-Imam al-Shatibi sebagai salah seorang yang pakar dalam *Fiqh al-Waqie'* yang menurut keadaan semasa menyebut:

“Oleh kerana terlalu banyak perkembangan peristiwa yang baru berlaku, maka tidak boleh kita cuba membataskan keluasan dalil, oleh kerana itu keadaan ini memerlukan pintu ijtihad dibuka melalui disiplin qiyas dan lain-lain. Tidak boleh tidak akan berlakunya sesuatu perkembangan di mana tiada nas terkhusus untuknya dan tiada pula para ulamak terdahulu berijtihad kerananya, ketika keadaan ini berlaku maka ada beberapa pilihan yang boleh disikapi. Sama ada didiamkan lalu manusia akan menyikapinya mengikut hawa nafsu, atau kita memberikan pandangan tanpa panduan *syara'* sedangkan pilihan ini juga adalah mengikut hawa nafsu.

Dengan ini tanpa pandangan *syara'* pada perkembangan semasa akan membawa kepada kerosakan.”¹

Elemen realiti yang diambil kira dalam kajian ini adalah;

- a. Sistem pemerintahan Malaysia
- b. Perlembagaan Persekutuan
- c. Struktur masyarakat majmuk
- d. Perundangan dan masalahnya yang tersedia ada
- e. Latar ekonomi pasca normal
- f. Krisis politik yang dilalui
- g. Perkembangan teknologi terkini
- h. Cabaraan perubahan iklim di Malaysia
- i. Infrastruktur pemerintah dan keupayaannya di Malaysia

Realiti ini membantu penulis untuk memberikan perspektif kearifan lokal Malaysia dalam membuat ulasan dari prinsip-prinsip umum Syariat yang membentuk keunikan Malaysia tanpa kehilangan ruh prinsip umum yang ditetapkan

c. Konsep Operasional Maqasid al-Syariah/Maslahah

Konsep *Maqasid al-Syariah* membantu kajian untuk mencapai objektif sama ada keseluruhan gagasan Malaysia MADANI menepati kehendak dan tujuan Syariat diturunkan. Kajian Maqasid adalah tentang memahami tujuan Syariat diturunkan secara umum, khusus mahupun dalam bidang-bidang kehidupan tertentu. Kajian ini mengambil konsep Maqasid secara umum berpandukan kepada kehendak dan tuntutan Prinsip Umum Syariat bersumberkan dari al-Quran.

1 Al-Qahtani. *Manhaj Istīnbat Ahkam an-Nawazil al-Fiqhiah al-Mua'sirah: Dirasat Ta' siliyah Tatbiqiah*. (Beirut: Darul Ibn al-Hazam, 2019), hlm. 113.

Prinsip Umum Syariah adalah permulaan kepada segala perincian kajian dan disiplin ilmu Fiqh, ilmu Maqasid, ilmu *Siasah al-Syar'iyah* dan disiplin ilmu lain yang berkaitan. Raisuni meringkaskan tentang Prinsip Umum al-Quran dengan berkata;

“Sesungguhnya perkara teras dipertanggungjawabkan untuk mengukuhkan asas falsafah dan sebagai bingkai rujukan, di mana pensyariaan Islam tercetus daripadanya dan dengan itu segala cabang hukum-hakam secara terperinci dijelaskan setelah terpasak akar kukuh keterangkuman teras dan prinsip.”²

Kajian Maqasid juga adalah untuk memahami objektif Syariah untuk mencapai *Maslahah* atau Kemaslahatan Bermanfaat dan Berkeadilan untuk rakyat awam. Lima Keperluan Kritikal atau *Khamsa Dharuriyat* (خمسة ضروريات) yang mesti tercapai untuk memelihara Kemaslahatan kehidupan dunia dan akhirat dijadikan sebagai rujukan *Maslahah* atau Masalah (kata jama') dalam mengulas Enam Prinsip Malaysia MADANI. Kontra kepada *Maslahah* adalah *Mafasid* kata *jama'* *Mafasid* ialah kerosakan dari sudut kesan dari sesuatu tindakan yang memerlukan kepada pertimbangan yang berhikmah dan wajar dari seorang pemimpin. Imam al-Izz ibnu al-Salam menyebut:

“*Masalih* dan *Mafasid* itu digambarkan dengan sesuatu yang (sama ada) membawa kebaikan mahupun sesuatu yang membawa kerosakan, (ia juga) sesuatu yang membawa manfaat atau sesuatu yang (boleh membawa) mudharat begitu juga ianya adalah tentang sesuatu kemuliaan dan sesuatu kehinaan. Yang dikatakan *masalih* adalah pilihan-pilihan kebaikan dan yang bermanfaat manakala *mafesid* secara keseluruhannya adalah pilihan-

²Ahmad al-Raisuni. *Al-Kulliyat al-Asasiah Lil al-Syariah*. (Kaherah: Darul Kalimah, 2014), hlm. 34.

pilihan yang memudaratkan dan membawa kesan keburukan. Al-Quran banyak sekali mengaitkan (kesan) kebaikan dengan perkataan *masalih* manakala (kesan) keburukan pula dikaitkan dengan perkataan *mafasid*.³

Sampel Utama Kajian

Sesuatu kajian perlulah tertumpu kepada sampel kajian, atau apakah yang hendak dikaji dan diterokai dan dikupas. Sampel kajian boleh berbagai, sama ada sampel kajian bahan rujukan tertentu, tempat, orang, masyarakat, zaman tertentu mahupun artifak tertentu.

Buku Membangun Negara Madani

Buku ini menjadikan bahan buku bertajuk “Membangun Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi” sebagai sampel kajian utama. Buku ini adalah dari terbitan IDE, Institut Darul Ehsan dengan kerjasama The Centre for Postnormal Policy and Future Studies. Buku ini dicetak oleh Mashi Publication Sdn Bhd (652999-A), Selangor Malaysia. Cetakan pertama 2022, cetakan kedua 2023.

Buku ini mengandungi gagasan dan idea tentang dasar pemerintahan berpandukan prinsip MADANI. Pemikiran yang menggaris bawah idea-idea dalam buku *Membangun Negara Madani* dapat diterokai dan dengan itu memberi akses buku ini untuk ini memahami secara terperinci gagasan dan idea yang tercetus dalam pemikiran Malaysia MADANI.

Metode Kajian

Metode kajian ialah dengan cara kualitatif yang menjurus kepada deskriptif dan analisa perbandingan. Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ialah;

3 Izzudin Abdul Aziz. *Qawaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. (Tunis: Darul Bayan al-Arabi, 2002), hlm. 7-8.

- a. Penulis sendiri yang berpengalaman sebagai ahli legaslatif dewan rakyat selama 15 tahun dan kini sebagai ahli legaslatif dewan negara dan berpengalaman selama 22 bulan sebagai ahli eksekutif pemerintahan menjawat jawatan Menteri Hal Ehwal dan Pentadbiran Agama Persekutuan. Selain itu penulis adalah ahli politik yang aktif bergerak sejak daripada tahun 1998 hingga kini dan menjawat jawatan Naib Presiden Parti Amanah Negara.
- b. Analisa ke atas bahan bacaan utama sampel kajian iaitu buku *Membangun Negara Madani*.
- c. Analisa ke atas bahan-bahan bacaan utama konsep dan teori yang digunakan.
- d. Analisa ke atas bahan bacaan sekunder dari isu-isu yang berkaitan.

Keterbatasan Kajian

Kajian ini ada berbagai keterbatasan;

1. Instrumen metode kajian terbatas hanya kepada bahan bacaan yang utama dan sekunder dan penulis sebagai individu yang berkecimpung dalam bidang legislatif negara dan pengalaman sebagai menteri dari tahun 2018-2020. Instrumen seperti wawancara akan lebih banyak menggali maklumat yang diperlukan untuk mengukuhkan lagi objektif penulisan.
2. Kajian tidak meliputi keberkesanan idea-idea yang dilontarkan dalam Malaysia MADANI. Tumpuan hanya ke atas memahami gagasan dan membuat piawaian Prinsip Umum Syariat, Maqasid dan *Maslahah*.
3. Kajian tidak dapat dilanjutkan kepada mengkaji mana-mana kementerian yang telah melaksanakan program

Malaysia MADANI mahupun melihat perancangan yang telah digariskan.

4. Pelancaran Malaysia MADANI sebagai dasar umum bawah kepimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri ke-10 masih awal untuk dibuat penilaian menyeluruh dari segi sokongan, kefahaman, pelaksanaan di peringkat kementerian dan program-program kesedaran awam. Ini memandangkan peluncuran Malaysia MADANI baru sahaja dilancarkan pada 18 Januari 2023 tidak sampai 6 bulan perjalanannya.

Panduan Etika Penulisan

Antara yang perlu dikekalkan dalam penulisan adalah kebebasan penulis daripada kecenderungan tertentu. Cara kajian ringkas ini mengatasinya ialah dengan;

1. Mengekalkan panduan teori dan konsep sebagai landasan utama penulisan bagi memastikan objektiviti kajian dan tidak membuat rumusan secara emosi tanpa rujukan berstruktur.
2. Penulisan ini hanya melihat kepada kandungan buku *Membangun Negara Madani* sebagai rujukan utama untuk memahami idea dan gagasan Dato' Seri Anwar Ibrahim dan tidak mendalami hal keperibadian lain mahupun membuat komen sokongan atau tidak menyokong secara peribadi.
3. Kritikan atau komen berpandukan kepada objektif kajian dan penambahbaikan berpandukan kepada tajuk kajian asal iaitu mengkaji Membangun Negara Madani dalam perspektif Syariat dan perinciannya.
4. Pengalaman penulis sebagai instrumen kajian memandu dari sudut pengetahuan dalam bidang pemerintahan dan

politik supaya bersikap lebih objektif dalam memberi pandangan atau pendapat.

Walaupun demikian, tidak dapat dinafikan penulis tidak mungkin membebaskan diri sepenuhnya dari sudut elemen kecenderungan namun faktor di atas dapat mengurangkan sikap kecenderungan yang tidak terkawal ketika membuat kajian dan kekal kepada objektiviti kajian.

Format Penulisan

Kajian ini ada 9 bab yang diperincikan kepada beberapa sub-topik;

1. Bab 1 adalah pengenalan menyeluruh kajian dari sudut objektif, teori dan konsep sampel kajian, metode, etika penulisan, format dan harapan.
2. Bab 2 mengandungi fahaman ringkas model Negara Madani dari sudut kajian konsep dan teori dan hubungannya dengan konsep Membangun Negara Madani.
3. Bab 3 mengandungi kupasan kefahaman asas Membangun Negara Madani dan Enam Prinsip MADANI.
4. Bab 4 menjelaskan Syariat dalam dasar pemerintahan negara dan pembentukan Prinsip Umum Syariat yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.
5. Bab 5 menjelaskan model-model *Fiqh al-Waqie'*, *Siasah al-Syar'iyah*, *Maqasid al-Syariah* dan konsep *Maslahah*.
6. Bab 6 adalah asas kajian ini dibuat iaitu melihat hubungan Membangun Negara Madani dan Prinsip Umum Syariat dari sudut piawaian.
7. Bab 7 memperuntukkan perbincangan Enam Prinsip MADANI dan bagaimana peranan konsep *Maslahah* tercapai dalam ke enam prinsip tersebut.

8. Bab 8 mengandungi kupasan perbandingan Membangun Negara Madani dan Gagasan Negara Rahmah.
9. Bab 9 adalah bab terakhir yang membuat rumusan kepada objektif kajian dan rekomendasi yang ditawarkan untuk memperbaiki pelaksanaan Malaysia MADANI.

Harapan

Kajian ini bukanlah kajian akademik dalam erti kata yang sempurna, tetapi ia mengekalkan asas elemen akademik iaitu berstruktur dan mempunyai objektif yang fokus dan terbatas. Semoga kajian ini akan membuka ruang lebih luas untuk penulis atau pengkaji lain meneroka dengan lebih perinci aspek lain yang bermanfaat untuk dijadikan rujukan selanjutnya.

Bab 2

MADANI SATU PERSPEKTIF MODEL PEMERINTAHAN

Mukadimah

MADANI yang diangkat oleh Perdana Menteri ke-10 adalah singkatan kepada beberapa perkataan yang dikaitkan dengan prinsip-prinsip yang berpotensi untuk memacu pembangunan negara. Singkatan perkataan itu membentuk Prinsip Malaysia MADANI, iaitu;

1. Kemampanan M
2. Kesejahteraan A
3. Daya cipta D
4. Hormat A
5. Keyakinan N
6. Ihsan I

Pemilihan kata MADANI dalam versi awal bahasa Inggeris yang dilancarkan sebelum PRU15 disingkatkan kepada SCRIPT iaitu;

1. Sustainability S
2. Caring C
3. Respectful R
4. Innovative I
5. Prosperous P
6. Trust T

Bila kita membuat dua perbandingan versi Bahasa Malaysia dan versi Bahasa Inggeris, kedua-duanya seolah tidak mempunyai persamaan makna daripada singkatannya. Perkataan 'SCRIPT' dan 'MADANI' tidak diterjemahkan dengan perkataan yang sama walaupun enam prinsip dalam 'SCRIPT' dan 'MADANI' dari sudut mesej isinya adalah sama, bezanya ia tidak diletakkan pada turutan yang sama.

Walaupun demikian, penjelasan daripada kedua-dua versi Inggeris dan bahasa Malaysia tidak lari dan kekal membawa mesej penting visi dan misi Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim (PMX) untuk membawa Malaysia ke tahap yang lebih baik dalam suasana terpaksa berhadapan dengan keadaan sekeliling yang mencabar. Bahagian ini akan membawa perspektif MADANI yang dibawa oleh PMX melalui kerangka perbincangan satu istilah yang berkonsepkan masyarakat dan negara yang mengasaskan model sebuah masyarakat demokratik, partisipatif dan saling berinteraksi dengan pemerintah atas dasar hak dan tanggungjawab bersama menjaga negara. Konsep ini dinamakan sebagai konsep 'Madani' sebagai satu model masyarakat dan negara yang bercirikan ketamadunan dan kemajuan. Dalam penulisan ini perkataan 'Madani' dirujuk kepada model pemerintahan manakala perkataan 'MADANI' dirujuk kepada idea dan gagasan yang diperkenalkan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Perdana Menteri Malaysia ke-10.

Madani Sebagai Model

Perkataan Madani sebagai satu konsep dan model masyarakat digunakan secara meluas dalam bahasa asalnya iaitu perkataan daripada Bahasa Arab مدني yang jika diInggeriskan menjadi 'Civil' atau kerap dipakai sebagai 'Civil Society' atau 'Civil State'. Oleh kerana penggunaan perkataan MADANI digunakan dalam ikhtiar Perdana Menteri ke-10, timbul persoalan apakah perkaitan antara MADANI dengan model sebuah Masyarakat Madani dan Negara Madani yang diperbahaskan dalam

buku-buku yang mengkaji sebuah model pemerintahan dan masyarakat? Apakah perkataan MADANI sengaja dipilih sebagai satu keserasian yang ada dalam konsep Madani? Apakah MADANI yang dimaksudkan sebagai ikhtiar sebenarnya adalah hasrat untuk melahirkan model pemerintahan Madani yang dibahas dalam buku-buku akademik?

Dalam menjelaskan maksud MADANI penulisnya PMX langsung tidak menyebut perkaitannya dengan istilah akademik Madani, seolah-olah Madani bukan niatnya untuk diketengahkan. MADANI terus diperkenalkan sebagai prinsip yang harus beroperasi dalam suasana yang rumit, berkecamuk, keserentakan yang menunjukkan ia adalah ciri-ciri yang mendefinisikan realiti pascanormal. *Membangun Negara Madani* langsung tidak menyentuh soal falsafah mengapa beliau memilih ringkasan MADANI malah tidak menyebut konsep Madani sebagai model yang dipakai untuk Malaysia. Hanya pendefinisian daripada Kamus Dewan Bahasa yang dimuatkan untuk memahamkan makna Madani iaitu pada muka surat lapan:

“Madani/(Ar) maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan (bukan masyarakat, generasi dan sebagainya) usaha untuk membentuk masyarakat dengan menyemaikan nilai-nilai murni kekeluargaan, Manhaj itu terarah kepada pembinaan masyarakat.”⁴

Hubung kait MADANI dan Madani sebagai model kemasyarakatan dan bernegara perlu diberi penjelasan sebagai menunaikan tanggungjawab akademik sekaligus menjawab perasaan ingin tahu dari sudut apakah hubungan konsep Madani sebagai model dengan konsep MADANI dalam buku *Membangun Negara Madani*.

4 Anwar Ibrahim. *Membangun Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi* (Shah Alam: Institut Darul Ehsan, 2023). hlm. 8.

Di bawah ini akan dijelaskan:

- a. Makna Madani
- b. Konsep Daulah
- c. Konsep Daulah Madaniyah
- d. Ciri-ciri Masyarakat/Negara Madani
- e. Rumusan

Makna/Konsep/Asas Madani

Madani sebagai satu perkataan berasal daripada Bahasa Arab yang dimelayukan. Kata terbit Madani adalah daripada مدن dan kerap digunakan sebagai sifat *nisbiyah* مدني yang membawa maksud khusus kepada makna warganegara, sekelompok penduduk, masyarakat awam sebagai kata lawan kepada pasukan polis atau pasukan tentera. Dari sudut Bahasa Malaysia Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka menyebutnya sebagai:

[ma.da.ni] | مدني

Definisi: Maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan (bukan masyarakat, generasi, dan sebagainya): usaha untuk membentuk masyarakat dengan menyemaikan nilai-nilai murni kekeluargaan; kurikulum itu juga terarah kepada pembinaan masyarakat. (Kamus Dewan Edisi Keempat)

Konsep

Negara Madani disebut sebagai Daulah Madaniah (الدولة المدنية) dalam bahasa Arab. Dari segi konsep, negara Madani tertegak atas beberapa pendekatan dan kefahaman. Asas utama ialah sumber yang memandu kewujudan sebuah entiti pemerintahan dan bagaimana keterikatan rakyat dibawahnya dari sudut kesetiaan dan hubungan rakyat pemerintah. Maka di sini akan dijelaskan secara ringkas kefahaman sebuah negara Madani. Selain perkataan 'negara' yang dikaitkan dengan konsep

Madani, perkataan 'masyarakat' sering digunakan sebagai satu keseimbangan antara pemusatan kuasa pemerintah dan peranan masyarakat. Perkataan Masyarakat Madani dikaitkan dengan organisasi masyarakat yang bergerak dalam ruang demokrasi memainkan peranan dalam pembangunan sosial serta semak dan imbang kepada kuasa kerajaan yang ada.

Konsep Daulah

Daulah dirujuk sebagai satu konsep pemerintahan yang diperakui oleh Islam dari sudut Islam itu menjadi referensi utama atau *marji'iyah* dalam memahami sebuah konsep pemerintahan. Ada tiga jenis pemikiran yang terdapat dalam buku-buku yang mengupas soal *daulah* atau pemerintahan dalam Islam⁵

1. Memperakui adanya konsep *Daulah* dan menangkis serangan bahawa tiada pemerintahan dalam Islam. Namun demikian pendapat ini menganggap konteks pemerintahan itu harus dibina atas konsep ianya sebuah negara yang berperaturan dan berperundangan (Madani) dan bukan negara terdorong atas keagamaan dan beragama (Teokrasi).
2. Menjadikan konsep *Hakimiyah lillah* atau Kekuasaan Mutlak hanya kepada Allah secara umum tanpa menjelaskan apakah kemaslahatan yang terikat dalam memperakui kekuasaan Allah itu. Pemikiran ini meletakkan kehendak ummah sebagai penentunya (iradatul ummah).
3. Menjadikan model Islam sebagai perbandingan dengan model lain di mana diletakkan asas dan titik-tolak konsep Islam daripada kewujudan negara hari ini. Ia bertujuan untuk membebaskan diri daripada terikat dengan konsep Barat dan merujuk kepada Syariat sebagai nilai dan panduannya. Konsep ni mengambil pengalaman

5 Ahmad Abu Isyreen al-Ansari. *Mafhum Daulah Madaniah*. (Arab Centre for Research & Policy Studies, 2014), hlm. 7.

manusia sebagai panduan dalam memperbaiki sistem pemerintahan yang ada.

Kebanyakan perbincangan tentang *Daulah* atau entiti sebuah negara dalam Islam mengambil pendekatan yang ketiga bahawa ianya lebih praktikal dan dapat diterapkan dalam pelbagai situasi semasa khususnya di kalangan negara umat Islam. Pemikiran politik Islam juga berlegar antara tiga sikap ini yang membentuk aliran pemikiran yang terdiri daripada dua ekstrem sama ada mencairkan Islam dan Syariatnya ataupun yang meradikalkan Islam dan Syariatnya. Golongan yang sederhana membawa idea ketiga dengan mengambil Syariat secara lebih meluas untuk mempertahankan kaitan Islam dan pemerintahan.

Daulah Madaniyah

Perkataan Madani dibincangkan dari sudut di manakah asal-usul perkataan ini? Madani berpunca dari perkataan *Ma Da Na* (م د ن) yang dikaitkan dengan sesuatu yang bertamadun, membangun dan bercirikan kemanusiaan. Di sebalik makna dari sudut bahasa, Madani juga dikaitkan dengan perkataan 'Madinah' yang bermaksud bandar yang maju dan bertamadun. Pasca hijrah Nabi SAW menyaksikan transformasi bandar Yathrib kepada penjenamaan baru sebagai Madinah al-Munawarah yang bermaksud Bandar maju yang bercahaya. Wujudnya masyarakat Madinah dan entiti pemerintahan di Madinah yang diasaskan oleh Rasulullah SAW telah membuka falsafah baru dan makna baru erti sebuah pemerintahan dalam acuan Islam.

Madani dikaitkan dengan kejayaan Rasulullah SAW membina dan membentuk Madinah daripada kota biasa kepada kota yang maju. Dari sudut pembentukan sebuah masyarakat, Rasulullah SAW telah membina struktur masyarakat yang terikat dengan

kesetiaan melalui Perjanjian Madinah atau Sahifah Madinah. Ini menggambarkan kemajuan struktur sebuah masyarakat pelbagai kaum dan agama dimeterai dengan konsep warga Madinah yang memberikan kesetiaan kepada Rasulullah SAW sebagai lambang ketua sebuah pemerintahan. Ada beberapa asas wujudnya entiti Madinah sebagai sebuah negara yang maju pemikiran kerakyatannya terikat atas kesetiaan perjanjian.

1. Ketua negara yang kuat dan mendapat mandat yang jelas memimpin dan wilayah pemerintahan.
2. Umat Islam sebagai asas dan teras kepada setiap kabilah dan kumpulan yang disebut sebagai 'ummah' di kalangan pelbagai kaum Musyrikin, Yahudi dan Nasrani.
3. Mengiktirafi kewujudan pelbagai kaum dan agama malah memberikan hak untuk mereka mengamalkan agama mereka dan kebebasan untuk mereka membuat apa-apa perjanjian.
4. Memberikan pertolongan dan membela dalam keadaan mana-mana kabilah yang memetai perjanjian sekiranya mereka dizalimi atau diserang musuh.
5. Memastikan perpaduan di kalangan warga teras Madinah iaitu Aus dan Khazraj kemudian dikenali sebagai Ansar dan perpaduan baru antara Muhajirin (dari Makkah) dan Ansar.

Jadi apabila menyebut Madani, ia merujuk kepada kejayaan Madinah sebagai bandar yang maju dari sudut kemajuan struktur masyarakat dan kepimpinannya melalui perjanjian Madinah. Sebagai model pemerintahan atau sebuah masyarakat, Madani dikaitkan dengan wujudnya entiti sebagai sebuah negara yang maju diikat dengan kesetiaan dan kebertanggungjawaban untuk memelihara keselamatan masyarakat Madinah daripada ancaman dalaman dan luaran.

Ciri Masyarakat dan Negara Madani

Kewujudan *Daulah Madaniyah* itu sendiri perlu diabsahkan sebagai entiti yang dimandatkan untuk ia berfungsi atas nama rakyat (ummah). Konsep Madani dalam erti kata pemerintahan turut berkembang dalam falsafah Barat yang diperkenalkan oleh John Locke (1632-1704) dalam konsep Sosial Kontrak. Konsep pemerintahan dalam perkembangan intelektual Islam telah bermula lebih awal daripada Barat. Konsep ini berkembang kepada disiplin ilmu *Siasah al-Syar'iyah* di bawah berbagai-bagai tajuk pemerintahan seperti *Adab Pemerintah dan Rakyat*, *Hukum-hakam Penguasa*, *Hukum ahli al-Dzimmah*, *Percukaian dalam Pemerintahan Islam* dan pelbagai lagi tajuk besar yang memperlihatkan perkembangan teori-teori dan model pemerintahan dalam Islam hinggalah ke hari ini dengan wujudnya entiti negara bangsa.

Menurut al-Qaradhawi dalam *Fiqh Daulah* sebuah *Daulah Madaniyah* mestilah berdiri atas;

1. Pemilihan (Pilihan Raya)

Pemilihan adalah dalam bentuk pilihan raya supaya pemimpin yang dilantik mendapat mandat dan keabsahan untuk membuat apa-apa keputusan mewakili kehendak rakyat.

2. Bai'ah (Kontrak)

Bai'ah adalah konsep kontrak di mana adanya perjanjian antara rakyat dan pemerintah. Kontrak diikat melalui proses pilihan raya untuk memilih calon-calon yang kemudiannya akan mewakili para pengundi sama ada secara kemenangan bernisbi atau kemenangan majoriti mudah.

3. Syura (Demokrasi Berparlimen)

Syura hari ini dioperasikan melalui sistem demokrasi berparlimen di mana mereka yang terpilih akan mewakili rakyat untuk berbincang dan berdebat untuk membuat sesuatu keputusan.

4. Tanggungjawab Kehakiman

Tanggungjawab Kehakiman menyelesaikan tuntutan perundangan antara rakyat dan pemerintah.

5. Hak Individu Rakyat Menegur Pemerintah

Setiap individu berhak untuk menegur pemerintah tanpa perlu merasa terancam dengan teguran-tegurannya. Perlu ada ruang yang selesa supaya teguran-teguran membina dapat disalurkan sebagai satu tanggungjawab kewarganegaraan.

Falsafah Madani

Madani adalah untuk mencapai ketamadunan, seperti mana yang disebut oleh al-Farabi iaitu;

“Untuk mencari dan menegakkan kebenaran, untuk mencapai kebahagiaan, menyemai rasa cinta kepada pengetahuan dan mewujudkan masyarakat yang baik.”

Madinah: Membangun, membina bandar-bandar, dan menaikannya kepada tamadun, keperibadian yang halus dengan nilai-nilai manusia, ciri-ciri insan sebenar. (Syed Naquib Al-Attras)

Madani berasal daripada perkataan ‘Madanun’ (مدن) bermaksud ‘Bandar’ dan ‘Madana’ dari Ma Da Na (مد دن) berasal dari perkataan ‘Tamdin’ dan ‘Tamadun’. (Ibn al-Manzur)

Madani digambarkan sebagai mempunyai satu bentuk agama yang lebih tinggi, keadaan negara yang teratur, sistem undang-undang, kehidupan bandar, sistem rekod penulisan yang maju dan keindahan bentuk seni yang tersendiri dari sudut seni bina. (Ibnu Khaldun)

Falsafah Madani terkait dengan kemajuan material di sebalik berpegang kepada adab-adab pemerintahan yang mengisi

dengan penghayatan akhlak kemanusiaan yang tinggi dan peradaban agama yang tinggi. Dengan kata lain falsafah Madani adalah konsep keseimbangan antara kemajuan duniawi dan ukhrawi di sebalik memberikan tumpuan kepada hubungan sesama manusia atas hak dan keadilan. Pencapaian ilmu dan kecerdasan berfikir yang tinggi diterjemahkan dengan keindahan seni bangunan dan penghayatan kepada keindahan sastera dan inovasi teknologi.

Ciri-ciri Negara Madani

Negara Madani bukanlah negara agama dengan maksud sebuah pemerintahan teokrasi (dipimpin ketua agama) dan bukan juga sebuah negara sekular yang memisahkan antara agama dan pentadbiran (tiada terkait dengan agama), tetapi Negara Madani berdiri di atas tiga teras utama yang membentuk sebuah pemerintahan, iaitu;

1. Rakyat
2. Wilayah Geografi
3. Pusat Pemerintahan

Tiga teras ini memayungi fikrah besar konsep sebuah Watan (muwatanah) dengan memberi jaminan mempertahankan hak-hak warganegara (muwotin) dan memenuhi amanah kepemimpinan yang memberikan keselesaan hidup dan kemudahan asas tanpa meninggalkan nilai-nilai agama yang tertuntut ke atasnya sebagai sebuah pemerintah.

Oleh kerana itu, takrif Negara Madani adalah sebuah negara yang menjaga dan memelihara semua anggota masyarakat melalui hak mereka sebagai warganegara tanpa terikat kepada bangsa, agama dan pemikiran rakyatnya kerana menganggap semua mereka berhak untuk mendapat perlindungan dan kemudahan. Dalam memenuhi tanggungjawab tersebut, Syariat Islam membekalkan panduan yang lengkap dalam *Siasah al-Syar'iyah* yang menjelaskan bagaimana pemimpin harus

beradab dengan rakyat yang dipimpinnya. Oleh kerana Islam adalah satu sistem kehidupan yang menyeluruh maka, segala nilai yang menjamin keadilan menyeluruh, membela hak yang layak dan memberikan kesaksamaan untuk kesejahteraan negara adalah merupakan tanggungjawab Syariat. Di bawah digariskan beberapa ciri Negara Madani yang mempunyai rujukan dalam Syariat Islam.

Ciri-ciri Pemerintahan Islam Madani:

1. Pemerintah yang bersifat kemanusiaan

Ia merujuk kepada asas kemanusiaan yang meletakkan insan sebagai ciptaan Allah yang paling dimuliakan oleh Allah. Rasulullah SAW pula telah menunjukkan contoh bagaimana Baginda menghormati kemanusiaan tanpa mengira kaum, keturunan ataupun bangsa.

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْوُجُوهِ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا﴾

“Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.”

(Al-Isra' 17:70)

Setiap tindakan pemerintah mestilah tidak melanggar sifat kemanusiaan yang ada dalam warganya bersandarkan kepada mempertahankan kemuliaan diri, maruah dan harga diri sebagai manusia.



MALAYSIA MADANI

PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

Setiap pemerintah mempunyai gagasan dan hasrat tersendiri untuk memacu pembangunan negara. Justeru, mereka akan mewujudkan sebuah model yang ingin dibawa dan diterapkan dalam sistem pemerintahan. Hal ini agar dapat menjadi prinsip dan agenda yang jelas bagi Malaysia. Begitulah apa yang diikhtiarkan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan mewujudkan satu singkatan 'MADANI' yang membentuk prinsip Malaysia MADANI.

Buku ini bakal menelusuri perkara yang tersurat dan tersirat di sebalik akronim 'MADANI'. Negara 'RAHMAH' perlu dibina melalui tiga teras utama iaitu Falsafah Rahmah, Maqasid al-Syariah dan Acuan Malaysia. Bahkan ia bukan hanya berfokus pada konsep itu sahaja tetapi buku ini akan mengaitkan juga pembawaan ini dengan Maqasid al-Syariah. Hal ini menunjukkan bahawa perlu berlandaskan Syariat yang ditetapkan dalam Islam.

Selain itu, keistimewaan dalam buku ini akan menarik minat pembaca dengan selitan dalil-dalil yang berkait dengan agenda yang ingin dibawa. Seperti sedia maklum, perubahan isu semasa amat ketara pada masa kini. Jadi, ia perlu kepada rujukan kefahaman yang sebenar mengikut model *Fiqh al-Waqie'* dan berlunaskan alur Syariat yang sebenar.

ilhambooks

www.ilhambooks.com

